

Proton e.MAS Memacu Pembangunan Kenderaan Elektrik Malaysia melalui Platform Mobiliti Bersepadu Pertama yang Dibangunkan Sepenuhnya Secara Tempatan

Lebih daripada RM40 juta telah dilaburkan dalam pembangunan infrastruktur digital tempatan, dengan pelaburan utama tertumpu kepada pembangunan platform TSP bagi meningkatkan pengalaman mobiliti di Malaysia.

SHAH ALAM, 26 Mei 2026 - PRO-NET, anak syarikat milik penuh PROTON Holdings Berhad, terus memperkukuh ekosistem kenderaan elektrik (EV) di Malaysia melalui pembangunan infrastruktur digital tempatan, perkhidmatan mobiliti bersepadu, dan platform pengecasan. Usaha ini sejajar dengan Dasar Automotif Negara (NAP 2020), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), serta agenda automotif negara yang lebih menyeluruh.

Sebagai sebahagian daripada industri automotif negara, PRO-NET memperluas usaha tempatan bukan sahaja dalam pembuatan kenderaan, tetapi juga ke dalam ekosistem digital dan sambungan yang menyokong mobiliti elektrik. Melalui Proton e.MAS, syarikat ini melabur dalam teknologi bersepadu yang relevan dengan keperluan tempatan, infrastruktur digital, serta kerjasama ekosistem bagi menjadikan pemilikan EV lebih lancar, praktikal dan mudah diakses oleh rakyat Malaysia dalam kehidupan seharian.

Berkongsi mengenai usaha tempatan tersebut, Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET, berkata: "Proton e.MAS komited untuk membangunkan ekosistem mobiliti bersepadu yang menyeluruh, direka khusus untuk pemandu Malaysia, infrastruktur Malaysia, dan keperluan harian rakyat Malaysia. Penekanan terhadap elemen tempatan ini bukan sekadar soal di mana teknologi kami ditempatkan, tetapi bagaimana perkhidmatan kami dibangunkan agar pemilikan EV menjadi lebih mudah, dekat di hati, dan relevan untuk rakyat Malaysia."

Membangunkan Platform Kenderaan Canggih Malaysia & Tingkah Laku Pemanduan Rakyat Malaysia

Proton e.MAS merupakan sebahagian daripada ekosistem kenderaan canggih yang lebih luas dan kini menyokong lebih daripada 300,000 kenderaan termasuk kenderaan PROTON, sekali gus menjadikannya platform digital kenderaan pertama yang dibangunkan sendiri di Malaysia. Platform ini menyokong pelbagai fungsi seperti kawalan kenderaan dari jauh, sistem infotainment pintar, integrasi pengecasan, serta aplikasi Proton e.MAS. Sehingga kini, platform ini telah merekodkan lebih daripada 8 juta permintaan kawalan jarak jauh bagi EV, mencerminkan peningkatan penggunaan serta peranan perkhidmatan digital yang semakin penting dalam menambah baik pengalaman mobiliti harian pengguna.

Direka berdasarkan gaya pemanduan dan gaya hidup rakyat Malaysia, perkhidmatan digital Proton e.MAS dilengkapi dengan sokongan penuh Bahasa Melayu, sistem navigasi tempatan, serta peta lokasi pengecasan secara langsung yang memudahkan akses kepada kemudahan pengecasan. Ekosistem ini turut merangkumi ciri yang relevan dengan keperluan pengguna tempatan seperti kompas kiblat dan aplikasi solat TheNoor, sekali gus mewujudkan pengalaman pemilikan yang lebih lancar dan mesra pengguna bagi rakyat Malaysia. Lebih penting, Proton e.MAS merupakan satu-satunya syarikat yang berjaya mencapai rangkaian bekalan tempatan sepenuhnya bagi peralatan kokpit, dengan perkakasan sistem infotainmennya dihasilkan sepenuhnya di Malaysia.

Selain perkhidmatan digital, Proton e.MAS turut menyumbang kepada ekonomi digital Malaysia melalui kerjasama dengan rakan teknologi tempatan, syarikat telekomunikasi serta rakan ekosistem termasuk TM, Maxis, Celcom, Altel, TnG Digital, Maybank, Faspay, SYOK, MYTV, TheNoor, ChargeSini dan pengendali titik pengecasan (CPO) tempatan yang lain. Setakat ini, lebih RM10 juta nilai tahunan telah dijana untuk ekosistem telekomunikasi (telco) tempatan, mencerminkan sumbangan berterusan kepada pembangunan industri digital negara.

Dengan pelaburan lebih daripada RM40 juta dalam perkhidmatan awan dan platform ketersambungan kenderaan, Proton e.MAS telah membangunkan pelaksanaan sepenuhnya di peringkat tempatan yang dihoskan di pusat data TM. Ini memastikan data kenderaan disimpan di dalam negara, sekali gus menyokong hala tuju Malaysia ke arah penguasaan digital.

Memperkukuh Perkhidmatan Pengecasan Tempatan

Sejajar dengan peningkatan penggunaan EV, Proton e.MAS turut memperkukuh platform pengecasan tempatan bagi menjadikan proses pengecasan lebih mudah diakses dan lebih selesa untuk pemilik Proton e.MAS. Dengan pelaburan melebihi RM4 juta, platform ini telah merekodkan kira-kira 11,000 pengguna, sekitar 30,000 pesanan pengecasan, serta hampir 790,000 kWh jumlah tenaga pengecasan, sekali gus menyokong pengalaman pemilikan EV yang lebih lancar daripada perkhidmatan digital hingga akses pengecasan.

Melalui Peta Pengecasan Langsung Bersepadu, Proton e.MAS kini menyediakan akses kepada lebih 4,300 titik pengecasan di seluruh negara, merangkumi kira-kira 90% liputan rangkaian pengecasan awam di Malaysia. Ini membolehkan pengguna mencari lokasi pengecasan dengan mudah, mendapatkan panduan ke destinasi, serta mengakses kemudahan pengecasan secara terus melalui ekosistem digital kenderaan.

“Dengan memperkukuh perkhidmatan digital dan infrastruktur tempatan, kami sedang membina asas kepada ekosistem EV Malaysia yang lebih kukuh,” tambah Zhang Qiang. “Ini membolehkan Proton e.MAS menawarkan penyelesaian mobiliti yang bukan sahaja teknologi canggih, tetapi juga praktikal serta selari dengan cara hidup dan gaya pemanduan rakyat Malaysia.”

Melalui infrastruktur digital tempatan, kerjasama ekosistem, perkhidmatan digital, dan integrasi pengecasan, Proton e.MAS terus menyokong pertumbuhan ekosistem EV Malaysia serta menyumbang kepada aspirasi Kerajaan untuk mempercepatkan penerimaan EV dan memperkukuh ekosistem mobiliti negara.

Untuk mendapatkan lokasi bilik pameran sah terdekat atau mengetahui lebih lanjut mengenai Proton e.MAS, layari laman web rasmi atau ikuti Proton e.MAS di Facebook (Proton e.MAS Cars), Xiaohongshu (Proton e.MAS Cars), TikTok (@protonemasofficial), dan Instagram (@protonemasofficial).

-Tamat-

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS merupakan jenama kenderaan elektrik (EV) dan tenaga baharu perintis di Malaysia, yang juga merupakan sub-jenama PROTON dan diedarkan oleh PRO-NET. Jenama ini memainkan peranan penting dalam mempercepatkan penerimaan EV serta membangunkan ekosistemnya, dengan komitmen untuk menerajui peralihan ke arah mobiliti lestari berteraskan inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian pengedar yang semakin berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang menyeluruh, serta ekosistem sokongan yang kukuh memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman pemilikan yang lancar dan memuaskan. Selaras dengan syarikat induk PROTON, misi Proton e.MAS adalah untuk INSPIRASI HUBUNGAN dengan menyampaikan Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan, dan piawain bertaraf antarabangsa secara konsisten. Proton e.MAS telah diperkenalkan pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581

Email: salawati@proton.com

Christopher Ng
Manager, PR & Communications
Telephone: +6012-818 7597
Email: christopher@proton.com

Agus Mohd Nawiah
Senior Executive, Public Relations
Telephone: +6017-232 6225
Email: agusmn@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Menuka Vejasegaran
H/Advisors Klareco
Telephone: +6014 345 2006
Email: menuka.vejasegaran@h-advisors.global